

Tiram Kuala Trong berkualiti

Projek ternakan pertama dihasilkan di dunia

Sinar 22/7/12 M557

SAIFUL BAHARIL BASERI

TRONG - Perak sekali lagi melakar sejarah apabila muncul negeri pertama berjaya menternak tiram triploid spesies *Crassostrea* iredalei yang diusahakan sebuah syarikat swasta di perairan Kuala Trong, di sini.

Melalui projek berkenaan, sebanyak 1.2 juta ekor Tiram Triploid berjaya diternak di perairan Kuala Trong, di kawasan seluas kira-kira satu hektar.

Kejayaan projek ternakan yang diusahakan Syarikat Tropical Oyster itu diumumkan Pengarah Penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Pulau Pinang, Rosly

Hassan yang mana, ia merupakan projek ternakan pertama dapat dihasilkan di dunia.

Rosly berkata, Tiram triploid yang dihasilkan itu lebih berkualiti dan cepat membesar iaitu antara enam hingga tujuh bulan berbanding tiram biasa iaitu lapan hingga 12 bulan.

Menurutnya, berikutan kejayaan itu, jabatan berharap lebih ramai lagi pengusaha akan menceburi industri ternakan tiram secara besar-besaran sekali gus mampu mengurangkan kadar import produk tersebut yang kini mencecah hampir 95 peratus.

"Sejak 1990-an lagi, penyelidikan kami yang berpusat di FRI Pulau Pinang mem-

bangunkan industri akuakultur tiram termasuk penghasilan benih dalam hatceri.

"Hasil penyelidikan yang dibuat, akhirnya spesies tiram triploid tropika yang pertama di dunia dihasilkan dan diternak secara komersial di negeri Perak," katanya di Majlis Perasmian Program Promosi Teknologi Akuakultur Tiram Triploid di Seratak Anjung Resort, Kuala Trong, Trong dekat Taiping, semalam.

Rosly berkata, jabatan turut membangunkan model ternakan tiram menggunakan sistem rakit dan rawai yang kukuh serta teratur sebelum penemuan teknologi terkini dipindahkan kepada golongan sasaran.



Rosli (dua, kiri) diberi penerangan oleh Rosly (kanan) pada majlis itu, semalam.